



NHCCE 2025 MELABUH TIRAI TIGA HARI DENGAN MEMPERKASA TENAGA KERJA MASA HADAPAN

KUALA LUMPUR, 9 Oktober 2025 – Persidangan Modal Insan & Pameran (NHCCE) 2025 telah melabuhkan tirainya semalam di Pusat Pameran dan Perdagangan Antarabangsa Malaysia (MITEC), menandakan berakhirnya tiga hari yang penuh berimpak di bawah tema ‘Menerajui Revolusi Modal Insan.’

Persidangan ini sekali lagi mengukuhkan kedudukannya sebagai platform utama di Malaysia bagi kepimpinan pemikiran, kolaborasi dan inovasi dalam bidang modal insan yang memacu dialog bermakna serta pandangan strategik demi tenaga kerja masa depan negara. Persidangan ini turut menjadi satu penanda aras penting dalam perjalanan Malaysia untuk muncul sebagai hab serantau bagi kecemerlangan modal insan dan inovasi kemahiran.

Diadakan dari 6 hingga 8 Oktober 2025 bersempena Kepengerusian ASEAN oleh Malaysia dan Tahun Kemahiran ASEAN (ASEAN Year of Skills - AYOS) 2025, NHCCE 2025 mencerminkan komitmen negara dalam memperkukuh agenda kemahiran ASEAN yang menekankan konsep Kemahiran tanpa sempadan, kerjasama serantau serta pertumbuhan inklusif di seluruh rantau Asia Tenggara.

Dianjurkan oleh Human Resource Development Corporation (HRD Corp) dengan sokongan Kementerian Sumber Manusia (KESUMA), persidangan ini telah menghimpunkan kira-kira 3,000 delegasi, 300 pempamer serta 33 penceramah tempatan dan antarabangsa yang menyediakan platform strategik untuk para pemimpin, pembuat dasar dan profesional modal insan meneroka landskap kerja serta pembangunan tenaga kerja yang sentiasa berubah.

Selain itu, segmen *BizMatch* di ruang pameran NHCCE 2025 berjaya mencatat sebanyak 879 pendaftaran merangkumi 560 kursus, melibatkan 86 penyedia latihan dan 394 majikan, dengan jumlah nilai pendaftaran sebanyak RM3.176 juta.

UNTUK SIARAN SEGERA

Mengulas mengenai perbincangan sepanjang persidangan, Ketua Eksekutif HRD Corp, Dr. Syed Alwi bin Mohamed Sultan menegaskan dalam Sesi Epilog: Hari ke-3 bahawa semua pihak kini perlu memberi tumpuan kepada proses belajar semula, penyesuaian, peningkatan kemahiran dan kerjasama kerana aspek-aspek inilah yang akan menentukan kelebihan daya saing dalam dunia digital masa kini.

Beliau berkata, "Setiap penceramah yang tampil mempunyai satu persamaan yang jelas, iaitu masa depan adalah sekarang yang sedang dibentuk oleh perubahan, teknologi dan bakat."

"Di sinilah peranan HRD Corp. Kami berbangga menjadi peneraju agenda negara dalam bidang peningkatan kemahiran, transformasi tenaga kerja dan pembangunan bakat yang inklusif. Misi kami adalah untuk memastikan tiada siapa yang ketinggalan sama ada graduan baharu, profesional pertengahan kerjaya atau pemilik perniagaan yang sedang menyesuaikan diri dengan perubahan," tambah beliau lagi.

Dr. Syed Alwi turut menambah bahawa HRD Corp telah berkembang daripada sebuah agensi pengurusan levi kepada pemangkin strategik dalam ekosistem modal insan negara dengan tumpuan baharu bukan sekadar kepada pembiayaan latihan, tetapi kepada pembentukan dasar tenaga kerja negara, pemangkin transformasi industri dan pemerkasaan pembangunan kemahiran masa hadapan.

Sepanjang tiga hari berlangsungnya NHCCE 2025, pelbagai sesi dialog mendalam telah diadakan bagi membincangkan bagaimana teknologi baharu seperti *Kecerdasan Buatan (AI)* sedang mengubah landskap tempat kerja dan mentakrif semula potensi manusia.

Selain aspek teknologi, persidangan ini turut menekankan kepentingan membangunkan kepimpinan adaptif, amalan lestari dan pendekatan berteraskan manusia dalam pertumbuhan organisasi.

Majlis perasmian NHCCE 2025 telah disempurnakan oleh YB En. Steven Sim Chee Keong, Menteri Sumber Manusia dan diiringi oleh Dr. Hj. Mohd Shaharin bin Umar, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Antarabangsa) KESUMA; Encik Sutekno bin Ahmad Belon, Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi) KESUMA; Datuk Abu Huraira bin Abu Yazid, Pengerusi Lembaga Pengarah, HRD Corp serta ahli-ahli Lembaga Pengarah HRD Corp serta Dr. Syed Alwi bin Mohamed Sultan, Ketua Eksekutif HRD Corp.

UNTUK SIARAN SEGERA

Barisan penceramah hebat tahun ini merangkumi tokoh pemikir global seperti Dr. Michio Kaku, ahli fizik teori dan futuris terkemuka dunia; Sonny Bill Williams, bintang ragbi bertaraf dunia dan pemenang pingat Olimpik; Graeme Codrington, futuris serta penyelidik yang diiktiraf di peringkat antarabangsa dan David Coulthard, pemenang 13 kali Grand Prix serta bekas pelumba Formula 1.

Turut bersama ialah tokoh berpengaruh Malaysia termasuk Dato' Sri Idris Jala, arkitek transformasi nasional Malaysia; Tan Sri Azman Haji Mokhtar, Pengerusi Malaysia International Islamic Finance Centre (MIFC) serta tokoh utama dalam pembangunan ekonomi lestari; dan Datuk Nicol David, bekas juara skuasy dunia dan pengasas Nicol David Organisation.

Kejayaan NHCCE 2025 sekali lagi mengukuhkan komitmen Malaysia dalam memacu inovasi, keterangkuman dan potensi insan, serta membuka jalan ke arah pembentukan masa hadapan tenaga kerja yang benar-benar bersedia.

-Tamat-

Mengenai HRD Corp

Human Resource Development Corporation (HRD Corp) merupakan agensi peneraju kerajaan Malaysia bagi pembangunan modal insan di bawah Kementerian Sumber Manusia (KESUMA).

Diurus selia oleh Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad 2001 (Akta PSMB 2001), HRD Corp bertanggungjawab terhadap kutipan serta pentadbiran levi pembangunan sumber manusia melalui Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia (KWPSM). Tanggungjawab ini merangkumi usaha menggalakkan latihan, latihan semula serta peningkatan kemahiran pekerja, perantis dan pelatih, untuk menyelaraskan keupayaan mereka dengan keperluan majikan serta aspirasi negara untuk membangunkan tenaga kerja berkemahiran tinggi. Usaha ini memastikan tenaga kerja Malaysia kekal berdaya saing di samping mampu menyesuaikan diri dengan tuntutan ekonomi semasa dan masa depan.

HRD Corp juga memainkan peranan penting dalam memperkukuh pasaran latihan di Malaysia, memacu inovasi, kualiti dan akses inklusif kepada pembangunan kemahiran di seluruh negara.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.hrdcorp.gov.my